

KAJIAN SEMULA CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU DAN KOPERASI

Kedudukan Semasa

Kadar cukai pendapatan individu pemastautin adalah progresif di antara 0% dan 28%. Pembayar cukai individu pemastautin yang mempunyai pendapatan bercukai sehingga RM35,000 diberi rebat cukai sebanyak RM350.

Individu bukan pemastautin pula dikenakan cukai pendapatan pada kadar tetap 28%.

Kadar cukai pendapatan koperasi adalah progresif di antara 0% dan 28%. Semua koperasi diberi pengecualian cukai selama 5 tahun daripada tarikh didaftarkan. Koperasi yang mempunyai dana ahli kurang daripada RM750,000 kekal mendapat pengecualian cukai. Di samping itu, dividen yang diagihkan oleh koperasi kepada ahlinya dikecualikan cukai.

Cadangan

Sebagai langkah untuk menjadikan kadar cukai pendapatan individu kompetitif serta dapat menambahkan pendapatan boleh guna rakyat, adalah dicadangkan cukai pendapatan individu pemastautin dikaji semula seperti berikut:

- i. rebat cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai sehingga RM35,000 dinaikkan daripada RM350 kepada RM400;
- ii. kadar cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai melebihi RM35,000 hingga RM50,000 dikurangkan 1 mata peratusan daripada 13% kepada 12%; dan
- iii. kadar cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai melebihi RM250,000 dikurangkan 1 mata peratusan daripada 28% kepada 27%.

Perbandingan di antara kadar cukai pendapatan individu semasa dan yang dicadangkan adalah seperti di Jadual 1. Penjimatan bayaran cukai adalah seperti di Jadual 2.

Selaras dengan pengurangan kadar cukai pendapatan individu pemastautin, adalah dicadangkan:

- i. kadar cukai pendapatan individu bukan pemastautin dikurangkan 1 mata peratusan kepada 27%; dan

- ii. kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan seperti berikut:
 - a. kadar cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai melebihi RM20,000 hingga RM30,000 dikurangkan 1 mata peratusan daripada 3% kepada 2%; dan
 - b. kadar cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai melebihi RM500,000 dikurangkan 1 mata peratusan daripada 28% kepada 27%.

Perbandingan di antara kadar cukai pendapatan koperasi semasa dan yang dicadangkan adalah seperti di Jadual 3. Penjimatan bayaran cukai adalah seperti di Jadual 4.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

Jadual 1: Perbandingan Kadar Cukai Pendapatan Individu Semasa Dan Yang Dicadangkan

| Kumpulan Pendapatan Bercukai (RM) | Kadar Cukai Semasa (%) | Kadar Cukai Dicadangkan (%) |
|-----------------------------------|------------------------|-----------------------------|
| 1-2,500 | 0 | 0 |
| > 2,500-5,000 | 1 | 1 |
| > 5,000-20,000 | 3 | 3 |
| > 20,000-35,000 | 7 | 7 |
| >35,000-50,000 | 13 | 12 |
| >50,000-70,000 | 19 | 19 |
| >70,000-100,000 | 24 | 24 |
| >100,000-250,000 | 27 | 27 |
| > 250,000 | 28 | 27 |

Jadual 2: Penjimatan Bayaran Cukai Pendapatan Individu Berikutan Pengurangan Kadar Cukai Dan Kenaikan Rebat Cukai

| Kumpulan Pendapatan Bercukai (RM) | SEMASA | | | CADANGAN | | | | |
|-----------------------------------|--------------------|-----------------------|---------------------------|----------------|-----------------------|---------------------------|--------------------------|-------|
| | Kadar Cukai Semasa | Cukai Kena Bayar (RM) | Cukai Selepas Rebat RM350 | Kadar Dicadang | Cukai Kena Bayar (RM) | Cukai Selepas Rebat RM400 | Penjimatan Bayaran Cukai | |
| | | | | | | | (RM) | % |
| 1-2,500 | 0% | - | | 0% | - | | | |
| > 2,500-5,000 | 1% | 25 | | 1% | 25 | | | |
| > 5,000-10,000 | 3% | 25 | - | 3% | 25 | - | - | - |
| > 10,000-20,000 | 3% | 150 | - | 3% | 150 | - | - | - |
| > 20,000-35,000 | 7% | 175 | | 7% | 175 | | | |
| > 35,000-50,000 | 13% | 300 | 125 | 12% | 300 | 75 | 50 | 40.00 |
| > 50,000-70,000 | 19% | 475 | 1,175 | 19% | 475 | 1,125 | 50 | 4.26 |
| > 70,000-100,000 | 24% | 1,050 | 3,475 | 24% | 1,050 | 3,325 | 150 | 4.32 |
| > 100,000-150,000 | 27% | 1,525 | 7,275 | 27% | 1,525 | 7,125 | 150 | 2.06 |
| > 150,000-250,000 | 27% | 1,950 | 14,475 | 27% | 1,800 | 14,325 | 150 | 1.04 |
| > 250,000 | 28% | 3,800 | 27,975 | 27% | 3,800 | 27,825 | 150 | 0.54 |
| | | 7,275 | 54,975 | 27% | 7,125 | 54,825 | 150 | 0.27 |
| | | 7,200 | | 27% | 7,200 | | * | |
| | | 14,475 | | | 14,325 | | | |
| | | 13,500 | | | 13,500 | | | |
| | | 27,975 | | | 27,825 | | | |
| | | 27,000 | | | 27,000 | | | |
| | | 54,975 | | | 54,825 | | | |

* Anggaran penjimatan bayaran cukai bagi pendapatan bercukai melebihi RM250,000
= RM 150 + [1% x (pendapatan bercukai – RM250,000)]

Jadual 3: Perbandingan Kadar Cukai Pendapatan Koperasi Di Bawah Struktur Cukai Semasa Dan Yang Dicadangkan

| Kumpulan Pendapatan Bercukai (RM) | Kadar Cukai Semasa (%) | Kadar Cukai Dicadangkan (%) |
|-----------------------------------|------------------------|-----------------------------|
| 1-10,000 | 0 | 0 |
| >10,000-20,000 | 0 | 0 |
| > 20,000-30,000 | 3 | 2 |
| > 30,000-40,000 | 6 | 6 |
| > 40,000-50,000 | 9 | 9 |
| > 50,000-75,000 | 12 | 12 |
| > 75,000-100,000 | 16 | 16 |
| > 100,000-150,000 | 20 | 20 |
| > 150,000-250,000 | 23 | 23 |
| > 250,000-500,000 | 26 | 26 |
| > 500,000 | 28 | 27 |

Jadual 4: Penjimatan Bayaran Cukai Pendapatan Koperasi Berikutan Pengurangan Kadar Cukai

| SEMASA | | | CADANGAN | | | |
|-----------------------------------|--------------------|-----------------------|----------------|-----------------------|--------------------------|-------|
| Kumpulan Pendapatan Bercukai (RM) | Kadar Cukai Semasa | Cukai Kena Bayar (RM) | Kadar Dicapang | Cukai Kena Bayar (RM) | Penjimatan Bayaran Cukai | |
| | | | | | (RM) | % |
| 1-20,000 | 0% | - | 0% | - | | |
| > 20,000-30,000 | 3% | 300 | 2% | 200 | 100 | 33.33 |
| > 30,000-40,000 | 6% | 600 | 6% | 600 | | |
| > 40,000-50,000 | 9% | 900 | 9% | 900 | 100 | 11.11 |
| > 50,000-75,000 | 12% | 1,800 | 12% | 1,700 | 100 | 5.56 |
| > 75,000-100,000 | 16% | 3,000 | 16% | 3,000 | | |
| > 100,000-150,000 | 20% | 4,800 | 20% | 4,700 | 100 | 2.08 |
| > 150,000-250,000 | 23% | 8,800 | 23% | 8,700 | 100 | 1.14 |
| > 250,000-500,000 | 26% | 10,000 | 26% | 10,000 | | |
| > 500,000 | 28% | 18,800 | 27% | 18,700 | 100 | 0.53 |
| | | 23,000 | | 23,000 | | |
| | | 41,800 | | 41,700 | 100 | 0.24 |
| | | 65,000 | | 65,000 | | |
| | | 106,800 | | 106,700 | 100 | 0.09 |
| | | | | | * | |

* Anggaran penjimatan bayaran cukai bagi pendapatan bercukai melebihi RM500,000
= RM 100 + [1% x (pendapatan bercukai – RM500,000)]

**PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS
PENDAPATAN FAEDAH DARIPADA DEPOSIT**

Kedudukan Semasa

Pendapatan faedah yang diterima daripada wang yang didepositkan di semua institusi yang diluluskan untuk menerima deposit dikenakan cukai pada kadar 5%.

Walau bagaimanapun, pendapatan faedah yang diterima daripada deposit berikut dikecualikan cukai:

- i. akaun simpanan dengan Lembaga Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional;
- ii. akaun simpanan tetap sehingga RM100,000 di semua institusi kewangan dan perbankan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Bank Pertanian Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad dan Malaysia Building Society Berhad; dan
- iii. akaun simpanan tetap melebihi 12 bulan di institusi-institusi di perenggan (ii) di atas.

Cadangan

Bagi meningkatkan pendapatan boleh guna terutama mereka yang bergantung pada pendapatan daripada deposit, adalah dicadangkan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan faedah yang diterima oleh individu daripada wang yang didepositkan di semua institusi yang diluluskan untuk menerima deposit dikecualikan sepenuhnya.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 30 Ogos 2008.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI PENDAPATAN
KE ATAS ELAUN, MANFAAT BERUPA BARANGAN DAN PERKUISIT**

Kedudukan Semasa

Elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit yang diterima oleh pekerja dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, perkuisit dalam bentuk anugerah perkhidmatan cemerlang, keselamatan dan perkhidmatan lama diberi pengecualian cukai sehingga RM1,000 setahun. Pengecualian cukai telah diberi ke atas manfaat berupa barangan seperti berikut:

- i. rawatan perubatan dan pergigian;
- ii. penjagaan anak di pusat penjagaan anak yang disediakan majikan;
- iii. nilai barangan atau perkhidmatan majikan sendiri yang diterima oleh pekerja sebanyak RM200 setahun;
- iv. telefon bimbit melebihi RM300 dan bil telefon melebihi RM300;
- v. yuran langganan jalur lebar;
- vi. pengangkutan percuma dari perhentian tertentu (*pick-up point*) atau dari rumah ke tempat kerja (*pergi/balik*);
- vii. makanan dan minuman yang disediakan secara percuma;
- viii. premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja sekiranya berlaku kemalangan; dan
- ix. tambang percutian termasuk makanan dan penginapan dalam Malaysia yang tidak melebihi 3 kali dalam 1 tahun kalendar atau tambang percutian ke luar Malaysia sekali dalam 1 tahun kalendar tidak melebihi RM3,000.

Perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan dalam menyediakan elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit di atas dibenarkan sebagai potongan sepenuhnya jika pemberian manfaat perlu disediakan oleh majikan selaras dengan kontrak perkhidmatan.

Cadangan

Bagi menggalakkan majikan memberi lebih manfaat kepada pekerja dan membantu mengurangkan kos sara hidup, adalah dicadangkan pekerja diberi pengecualian cukai ke atas elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit yang diterima dari majikan seperti berikut:

- i. kad petrol atau elaun petrol atau elaun perjalanan dari rumah ke tempat kerja (pergi/balik) sehingga RM2,400 setahun;
- ii. kad petrol atau elaun petrol atau elaun perjalanan dan kad tol atas urusan rasmi sehingga RM6,000 setahun;
- iii. elaun atau fi meletak kenderaan;
- iv. elaun makan;
- v. elaun atau subsidi penjagaan anak-anak sehingga RM2,400 setahun;
- vi. telefon, telefon bimbit, bil telefon, *pager* dan *personal data assistant* (PDA) dan langganan internet;
- vii. barangan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun yang mana nilai diskaunnya tidak melebihi RM1,000 setahun;
- viii. perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun dengan syarat manfaat ini tidak dipindahkan kepada pihak lain;
- ix. subsidi kadar faedah bagi pinjaman berjumlah sehingga RM300,000 untuk perumahan, kenderaan penumpang bermotor dan pendidikan. Pengecualian ini diberi ke atas pinjaman sedia ada dan pinjaman baru;
- x. manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan untuk meliputi perbelanjaan materniti dan perubatan tradisional seperti *ayurvedic* dan akupunktur; dan
- xi. perkuisit sedia ada diperluaskan kepada anugerah berkaitan inovasi, peningkatan produktiviti atau kecekapan seperti *Six Sigma Award* serta nilai pengecualian dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000 setahun.

Pengecualian ini tidak dipanjangkan kepada pengarah syarikat terkawal, pemilik tunggal dan perkongsian.

Perbelanjaan elaun, manfaat berupa barangan dan perkuisit oleh majikan dibenarkan potongan sepenuhnya walaupun tidak dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan pekerja.

Semua cadangan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 kecuali cadangan (i) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010.

**KAJIAN SEMULA CUKAI JALAN KE ATAS KENDERAAN
PERSENDIRIAN MILIK INDIVIDU DAN SYARIKAT**

Kedudukan Semasa

Kenderaan persendirian saloon dan bukan saloon milik individu dan syarikat berenjin diesel dikenakan cukai jalan yang lebih tinggi berbanding kenderaan berenjin petrol (kecuali di Sarawak). Perbezaan ini berkait rapat dengan struktur harga bahan api yang berbeza di masa lampau di mana harga runcit diesel adalah jauh lebih rendah berbanding harga runcit petrol. Namun, selepas berlakunya kenaikan mendadak harga minyak dunia, harga runcit diesel telah meningkat dan tidak jauh berbeza dengan harga runcit petrol. Oleh itu, pemilik kenderaan berenjin diesel terbeban disebabkan harga diesel dan cukai jalan yang tinggi.

Cadangan

Bagi memberi layanan cukai jalan yang sepadan dengan struktur harga bahan api, adalah dicadangkan cukai jalan yang dikenakan ke atas kenderaan persendirian saloon dan bukan saloon milik individu dan syarikat berenjin diesel diturunkan dan disamakan dengan cukai jalan bagi kenderaan berenjin petrol.

Selaras dengan cadangan ini juga, kenderaan berenjin diesel hijau yang dikenakan cukai jalan 50% lebih rendah daripada cukai jalan bagi kenderaan diesel di seluruh Malaysia ditarik balik.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2008.

GALAKAN CUKAI BAGI PENGUSAHA BAS DAN TEKSI

Kedudukan Semasa

Bas yang dipasang dalam negara termasuk penyaman udara yang dipasang dalam bas tertakluk kepada cukai jualan 10%. Memandangkan cukai jualan adalah cukai penggunaan, maka cukai tersebut perlu ditanggung oleh pembeli seperti pengusaha bas.

Perbelanjaan pembelian bas layak mendapat elaun modal yang boleh dituntut dalam tempoh 4 tahun. Bas yang menggunakan gas asli layak mendapat elaun modal yang boleh dituntut dalam tempoh 2 tahun.

Cukai jalan ke atas semua jenis bas dan teksi adalah seperti berikut:

| Jenis Bahan Bakar/ Kapasiti Enjin | Kadar Cukai Jalan Semasa (RM setahun) | |
|--------------------------------------|--|--------------------------|
| | Bas Ekspres/Pengantara/ Persiaran/Catar | Bas Kilang/Pekerja |
| Petrol | | |
| ≤ 2000cc | 25 | 25 |
| > 2000cc | 50 | 50 |
| Diesel | | |
| ≤ 2000cc | 150 | 75 |
| 2001cc - 3500cc | 300 | 150 |
| >3500cc | 600 | 300 |
| Petrol & Diesel | Kereta Sewa Pandu/Limosin | Teksi/Kereta Sewa |
| ≤ 1200cc | 60 | 30 |
| > 1200cc | 100 | 50 |

* Kadar cukai jalan di Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor adalah 50% daripada kadar di Semenanjung manakala kadar di Labuan adalah 50% daripada kadar di Sabah, kecuali kenderaan yang mempunyai kapasiti enjin 1000cc dan ke bawah di mana cukai jalan adalah RM20 setahun iaitu sama dengan kadar di Semenanjung dan Sabah. Kadar cukai jalan bagi kenderaan yang menggunakan enjin diesel hijau adalah 50% daripada kadar kenderaan diesel biasa, kecuali kenderaan persendirian yang mempunyai kapasiti enjin 1000cc dan ke bawah di mana cukai jalan adalah RM20 setahun. Kadar cukai jalan bagi kenderaan *dual fuel* iaitu enjin diesel hijau yang menggunakan gas asli (NGV) dan diesel adalah 25% daripada kadar cukai jalan kenderaan diesel biasa.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos operasi pengusaha bas dan teksi, adalah dicadangkan:

- i. pengusaha bas diberi pengecualian cukai jualan ke atas bas siap termasuk penghawa dingin yang dipasang dalam negara;

- ii. perbelanjaan pembelian bas baru diberi Elaun Modal Dipercepatkan dan boleh dituntut sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun; dan
- iii. cukai jalan dikurangkan kepada RM20 setahun ke atas semua jenis bas dan teksi serta kereta sewa termasuk limosin dan kereta sewa pandu. Selaras dengan cadangan ini juga, kenderaan berenjin diesel hijau yang dikenakan cukai jalan 50% lebih rendah daripada cukai jalan bagi kenderaan diesel di seluruh Malaysia ditarik balik.

Cadangan (i) berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2011.

Cadangan (ii) berkuat kuasa bagi bas yang dibeli dalam tahun taksiran 2009 hingga 2011.

Cadangan (iii) berkuat kuasa mulai 1 September 2008.

**MENAMBAH BAIK GALAKAN CUKAI BAGI
TERNAKAN AYAM DAN ITIK SISTEM REBAN TERTUTUP**

Kedudukan Semasa

- A. Penternak ayam dan itik di kawasan yang digalakkan iaitu Koridor Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing), Perlis, Sabah dan Sarawak yang membuat pelaburan baru diberi galakan berikut:
- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
 - ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.
- B. Penternak ayam dan itik yang membuat pelaburan semula bagi menukar sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup diberi Elaun Pelaburan Semula (EPS) selama 15 tahun berturut-turut mulai tahun pertama pelaburan semula dilakukan seperti berikut:
- i. projek di kawasan yang digalakkan diberi EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
 - ii. projek di luar kawasan yang digalakkan diberi EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Galakan ini diberi dengan syarat kapasiti ternakan ayam dan itik secara sistem reban tertutup adalah sekurang-kurangnya:

- i. 20,000 ekor ayam pedaging/itik pedaging bagi setiap pusingan; atau
- ii. 20,000 ekor ayam baka/itik baka bagi setiap pusingan; atau
- iii. 50,000 ekor ayam penelur/itik penelur bagi setiap pusingan.

Galakan EPS di atas adalah bagi tempoh sehingga tahun taksiran 2010.

Penternak ayam dan itik yang bermula dengan sistem reban tertutup dan membuat pelaburan semula tidak diberi EPS.

Cadangan

Bagi memastikan sistem ternakan yang mesra alam dan bagi menjamin bekalan daging ayam dan itik mencukupi, adalah dicadangkan penternak ayam dan itik yang membuat pelaburan semula dalam pembesaran sistem reban tertutup di kawasan sedia ada atau di kawasan baru diberi galakan berikut:

- i. projek di kawasan yang digalakkan diberi EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. projek di luar kawasan yang digalakkan diberi EPS sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 70% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Galakan ini adalah bagi projek ternakan ayam dan itik sistem reban tertutup yang mendapat kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2010.

**PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA
PERJANJIAN PINJAMAN PERUMAHAN**

Kedudukan Semasa

Pembeli rumah telah diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara berikut:

- i. semua surat cara termasuk perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kos rendah dikecualikan sepenuhnya; dan
- ii. surat cara pindah milik rumah kediaman berharga sehingga RM250,000 dikecualikan sebanyak 50%. Pengecualian diberi bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010 dan diberi untuk satu rumah kediaman sahaja kepada setiap individu.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos pemilikan rumah, adalah dicadangkan surat cara perjanjian pinjaman yang disempurnakan bagi pembelian rumah kediaman berharga sehingga RM250,000 diberi pengecualian duti setem sebanyak 50%. Pengecualian ini diberi kepada individu warga negara Malaysia dan terhad untuk pembelian sebuah rumah kediaman sahaja.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010.

PERLUASAN SKOP POTONGAN CUKAI UNTUK PROJEK KOMUNITI

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi projek amal atau komuniti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dibenarkan potongan bagi tujuan pengiraan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967. Potongan ini adalah untuk sumbangan kepada projek amal atau komuniti berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Cadangan

Bagi memantapkan lagi budaya tanggungjawab sosial korporat, adalah dicadangkan skop projek amal atau komuniti yang layak mendapat potongan bagi tujuan pengiraan cukai diperluaskan kepada projek meningkatkan pendapatan golongan miskin dan projek pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

**MENINGKATKAN HAD POTONGAN CUKAI
KE ATAS SUMBANGAN**

Kedudukan Semasa

Sumbangan syarikat yang diberi potongan untuk tujuan pengiraan cukai sehingga 7% daripada pendapatan agregat adalah seperti berikut:

- i. sumbangan wang tunai kepada institusi, organisasi atau tabung yang diluluskan bagi tujuan amal yang diluluskan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP);
- ii. sumbangan wang tunai atau kos sumbangan dalam bentuk barangan kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atau badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Seksyen 44 (11B) ACP; dan
- iii. sumbangan wang tunai atau kos sumbangan dalam bentuk barangan bagi projek berkepentingan nasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 44 (11C) ACP.

Syarikat tidak terdorong untuk meningkatkan sumbangan kerana jumlah sumbangannya telah mencapai had maksimum yang dibenarkan.

Cadangan

Bagi mendorong syarikat supaya meningkatkan sumbangan untuk tujuan amal, aktiviti sukan dan projek berkepentingan nasional, adalah dicadangkan had potongan bagi tujuan pengiraan cukai ditingkatkan daripada 7% kepada 10% daripada pendapatan agregat.

Cadangan ini tidak diperluaskan kepada syarikat di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

**POTONGAN KE ATAS PERBELANJAAN
PENGAMBILAN PEKERJA**

Kedudukan Semasa

Pada umumnya, kos pengambilan pekerja dibenarkan potongan bagi tujuan pengiraan cukai kecuali jika perbelanjaan ini dilakukan sebelum syarikat memulakan operasi.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan di samping memastikan syarikat mendapat modal insan yang berkualiti, adalah dicadangkan kos pengambilan pekerja sebelum syarikat memulakan operasi dibenarkan potongan bagi tujuan pengiraan cukai. Antara kos ini termasuk perbelanjaan menyertai ekspo kerjaya, bayaran kepada agensi pekerjaan dan bayaran kepada *head-hunters*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

**GALAKAN CUKAI BAGI MEMPERTINGKATKAN
LATIHAN DALAM BIDANG TERPILIH**

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan untuk melatih pekerjaannya layak mendapat potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. Perbelanjaan bagi melatih pekerja di institusi latihan yang diluluskan seperti Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam (INCEIF) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) layak mendapat potongan dua kali.

Malaysia telah berjaya menjadi pusat serantau bagi kewangan Islam, penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan elektronik, di samping penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO). Daya saing negara dalam bidang ini adalah disokong oleh bakat dan kebolehan modal insan. Bagi terus mengukuhkan daya saing negara dan memperhebatkan pelaburan dalam bidang tersebut, lebih ramai tenaga manusia perlu dilatih dan kemahiran tenaga profesional sedia ada dipertingkatkan.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan sektor swasta melatih rakyat Malaysia untuk memastikan bekalan tenaga kerja mahir yang mencukupi dalam negara dan menjadikan tenaga profesional Malaysia terus berdaya saing, adalah dicadangkan:

- A. potongan dua kali diberi kepada majikan ke atas perbelanjaan latihan kepada pekerjaannya dalam bidang berikut:
 - i. kursus lepasan ijazah di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), elektronik dan sains hayat (*life sciences*);
 - ii. kursus *post basic* di dalam bidang kejururawatan dan penjagaan kesihatan bersekutu (*allied healthcare*); dan
 - iii. kursus kejuruteraan penyelenggaraan kapal terbang.
- B. pengecualian cukai pegangan diberi kepada pakar bukan pemastautin ke atas pendapatan yang diterima daripada penyediaan perkhidmatan latihan teknikal dalam bidang tersebut di atas.

Cadangan (A) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2012.

Cadangan (B) berkuat kuasa mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2012.

MENAMBAH BAIK *GROUP RELIEF*

Kedudukan semasa

Group relief adalah layanan cukai yang membenarkan kerugian suatu syarikat ditolak daripada pendapatan suatu syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Pada masa ini, layanan cukai ini terhad kepada 50% kerugian tahun semasa yang tidak diserap untuk ditolak daripada pendapatan syarikat lain dalam kumpulan yang sama.

Cadangan

Untuk terus memperkukuhkan daya saing syarikat, adalah dicadangkan kadar kerugian tahun semasa yang dibenarkan ditolak dalam layanan *group relief* ditingkatkan daripada 50% kepada 70%.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

GALAKAN BAGI MENINGKATKAN PENGGUNAAN ICT

Kedudukan Semasa

Elaun Modal Dipercepatkan yang diberi ke atas peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk komputer dan perisiannya layak dituntut dalam tempoh 2 tahun dengan elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 40%.

Cadangan

Bagi menggalakkan sektor swasta melabur dalam peralatan ICT yang terkini dan selaras dengan kemajuan ICT, adalah dicadangkan tempoh tuntutan Elaun Modal Dipercepatkan ke atas perbelanjaan peralatan ICT termasuk komputer dan perisiannya dipercepatkan daripada 2 tahun kepada 1 tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2013.

PELAKSANAAN PENENTUAN HARGA AWAL

Kedudukan Semasa

Penentuan Harga Awal (APA) tidak termasuk di bawah skop Ketetapan Awal dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Ketetapan Awal) 2007 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007. APA adalah mekanisme untuk menentukan secara lebih awal harga barangan dan perkhidmatan yang akan diurusniagakan pada masa depan antara satu syarikat dengan syarikat kaitannya bagi tempoh tertentu.

APA telah diamalkan oleh banyak negara bagi menentukan pindahan harga transaksi rentas sempadan pada masa depan secara Sehalu, Dua Hala dan Pelbagai Hala. Pihak yang terlibat dalam Penentuan Harga Awal adalah terdiri daripada Pihak Berkuasa Cukai dan:

- i. syarikat pemastautin berhubung transaksi dengan syarikat kaitannya di luar negara (APA Sehalu);
- ii. syarikat pemastautin berhubung transaksi dengan syarikat kaitannya di luar negara dan Pihak Berkuasa Cukai luar negara (APA Dua Hala); dan
- iii. syarikat pemastautin berhubung transaksi dengan lebih dari satu syarikat kaitannya di luar negara dan lebih dari satu Pihak Berkuasa Cukai luar negara (APA Pelbagai Hala)

Cadangan

Bagi menangani isu pindahan harga dengan lebih cekap dan berkesan berbanding dengan kaedah audit pindahan harga, adalah dicadangkan syarikat dibenarkan membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri berhubung dengan Penentuan Harga Awal. Tujuan mewujudkan APA adalah untuk menetapkan harga transaksi bagi maksud cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

**MENAMBAH BAIK GALAKAN CUKAI BAGI HOTEL
DI SABAH DAN SARAWAK**

Kedudukan Semasa

Pengusaha hotel di Sabah dan Sarawak diberi galakan cukai seperti berikut:

- A. Pelaburan baru bagi hotel bertaraf 1 hingga 3 bintang:
 - i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 5 tahun; atau
 - ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Pelaburan baru bagi hotel bertaraf 4 dan 5 bintang tidak diberi galakan cukai.

- B. Pelaburan semula bagi tujuan pembesaran, pemodenan dan pengubahsuaian hotel bertaraf 1 hingga 5 bintang diberi galakan seperti (i) dan (ii) di atas. Galakan ini diberi sebanyak 2 kali.

Cadangan

Bagi menyokong pembangunan Koridor di Sabah dan Sarawak serta meningkatkan kegiatan pelancongan di negeri tersebut, adalah dicadangkan pengusaha hotel yang membuat pelaburan baru bagi hotel bertaraf 4 dan 5 bintang di Sabah dan Sarawak diberi galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan seperti di atas.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2013.

MERANGSANG PEMBANGUNAN INDUSTRI MODAL TEROKA

Kedudukan Semasa

Salah satu galakan cukai bagi syarikat modal teroka adalah pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun dengan syarat:

- i. sekurang-kurangnya 50% daripada dana pelaburannya dalam syarikat teroka hendaklah dalam bentuk *seed capital*; atau
- ii. sekurang-kurangnya 70% daripada dana pelaburannya dalam syarikat teroka hendaklah dalam bentuk *start-up* atau *early stage financing*.

Cadangan

Bagi merangsang dan menggalakkan lagi pembiayaan dalam syarikat teroka, adalah dicadangkan syarikat modal teroka yang melabur dalam syarikat teroka sekurang-kurangnya 30% dalam bentuk *seed capital*, *start-up* dan *early stage financing* diberikan pengecualian cukai pendapatan selama 5 tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2013.

GALAKAN CUKAI BAGI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan ke atas loji dan jentera diberi elaun modal yang layak dituntut dalam tempoh 6 tahun. Sementara itu, perbelanjaan ke atas aset yang nilainya kurang daripada RM1,000 (aset bernilai kecil) diberi elaun modal yang layak dituntut dalam tempoh satu tahun. Walau bagaimanapun, jumlah nilai aset kecil yang layak mendapat elaun modal adalah sehingga RM10,000 sahaja. Layanan ini terpakai kepada semua syarikat termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Bagi perbelanjaan ke atas aset-aset tertentu yang dibenarkan Elaun Modal Dipercepatkan seperti peralatan kawalan keselamatan dan peralatan ICT, tuntutan elaun modal adalah mengikut tempoh dipercepatkan yang telah ditetapkan.

PKS ditakrifkan sebagai syarikat pemastautin di Malaysia yang mempunyai modal berbayar ke atas saham biasa sebanyak RM2.5 juta atau kurang pada permulaan tahun asas bagi tahun taksiran berkenaan. PKS dikenakan cukai pendapatan sebanyak 20% untuk pendapatan bercukai sehingga RM500,000 yang pertama dan 26% ke atas pendapatan bercukai selebihnya.

Cadangan

Bagi menambah baik aliran tunai dan bagi memastikan PKS terus berdaya saing dengan meningkatkan pelaburan dalam jentera dan peralatan yang lebih moden dan canggih, adalah dicadangkan:

- i. PKS diberi Elaun Modal Dipercepatkan ke atas perbelanjaan loji dan jentera yang diperolehi dalam tahun taksiran 2009 dan 2010. Elaun ini layak dituntut dalam tempoh 1 tahun iaitu pada tahun taksiran aset berkenaan diperolehi sepenuhnya; dan
- ii. PKS tidak lagi tertakluk kepada had maksima RM10,000 untuk tuntutan elaun modal ke atas aset bernilai kecil.

Bagi maksud pengenaan cukai pendapatan dan galakan cukai, PKS ditakrif semula sebagai suatu syarikat pemastautin di Malaysia yang mempunyai modal berbayar ke atas saham biasa sebanyak RM2.5 juta atau kurang pada permulaan tahun asas bagi suatu tahun taksiran di mana syarikat ini tidak boleh dikawal oleh syarikat yang mempunyai modal berbayar melebihi RM2.5 juta.

Cadangan (i) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2009 dan 2010 manakala cadangan (ii) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

MENAMBAH BAIK GALAKAN CUKAI BAGI MENJANA TENAGA DARIPADA SUMBER YANG BOLEH DIPERBAHARUI

Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui adalah seperti berikut:

A. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dikeluarkan dalam negara.

Syarikat lain dalam kumpulan yang sama diberi galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan seperti di atas walaupun salah satu daripada syarikat dalam kumpulan tersebut telah mendapat galakan cukai.

B. Syarikat yang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Syarikat bukan menjana tenaga yang mengimport atau memperoleh peralatan menjana tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan pihak ketiga seperti pemaju perumahan atau pemilik bangunan tidak diberi galakan cukai.

Cadangan

Bagi memperluaskan penggunaan tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui, adalah dicadangkan:

- i. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar fotovoltaik untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan fotovoltaik yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- ii. pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian peralatan sistem pemanasan solar daripada pengeluaran tempatan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010.

**MENAMBAHBAIK GALAKAN CUKAI
BAGI PENJIMATAN TENAGA**

Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi aktiviti penjimatan tenaga (*Energy Efficiency* - EE) adalah seperti berikut:

A. Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

B. Syarikat yang melakukan perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri

- i. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- ii. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan penjimatan tenaga yang tidak dikeluarkan dalam negara dan pengecualian cukai jualan ke atas peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

Galakan ini hanya dinikmati oleh syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan tenaga kepada syarikat lain atau penjimatan tenaga untuk syarikat sendiri. Syarikat yang mengimport peralatan EE atau membelinya daripada pengeluar tempatan untuk kegunaan pihak ketiga tidak diberi galakan cukai.

Cadangan

Sebagai langkah meluaskan penggunaan peralatan EE, adalah dicadangkan:

- i. pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti *high efficiency motors* dan *insulation materials* kepada pengimport termasuk agen yang diiktiraf yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- ii. pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian barangan pengguna EE seperti peti sejuk, alat penyaman udara, lampu, kipas angin dan televisyen yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.

Galakan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 sehingga 31 Disember 2010.

GALAKAN CUKAI BAGI KERETA HIBRID

Kedudukan Semasa

Pengimportan kereta yang siap dipasang (CBU) termasuk kereta hibrid di bawah 2000 cc tertakluk kepada cukai berikut:

| Kapasiti Enjin (cc) | Duti Import (%) | | Duti Eksais (%) | Cukai Jualan (%) |
|----------------------|-----------------|------|-----------------|------------------|
| | MFN | CEPT | | |
| < 1800 | 30 | 5 | 75 | 10 |
| ≥ 1800 hingga < 2000 | 30 | 5 | 80 | 10 |

Cadangan

Bagi mempromosi Malaysia sebagai hab serantau kereta hibrid dan sebagai galakan kepada syarikat pengeluar dan pemasang kereta tempatan bersedia memasang kereta hibrid dalam negara, adalah dicadangkan pemegang francais kereta hibrid diberi pengecualian duti import 100% dan duti eksais 50% ke atas kereta hibrid CBU baru.

Pengecualian di atas tertakluk kepada kriteria dan syarat berikut:

- i. kereta hibrid mematuhi definisi yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu:
“A vehicle with at least 2 different energy converters and 2 different energy storage systems (gasoline and electric) on-board the vehicle for the purpose of vehicle propulsion”;
- ii. terhad kepada kereta penumpang hibrid CBU baru berkapasiti enjin di bawah 2000 cc;
- iii. spesifikasi enjin dengan teknologi sekurang-kurangnya Euro 3;
- iv. kereta disahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai kereta hibrid, mendapat sijil kelulusan jenis (VTA) dan *certified to have achieved not less than a 50% increase in the city-fuel economy or not less than a 25% increase in combined city-highway fuel economy relative to a comparable vehicle that is an internal combustion gasoline fuel*; dan
- v. pelepasan gas karbon monoksida kurang daripada 2.3 gram bagi setiap kilometer.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010.

**GALAKAN CUKAI BAGI PENYENARAIAAN SYARIKAT
DAN PRODUK ASING DI BURSA MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Bagi mengembangkan pasaran modal, Malaysia perlu menarik syarikat dan produk asing disenaraikan di Bursa Malaysia. Kos pemasaran yang tinggi tidak mendorong penasihat korporat menarik syarikat dan produk asing disenaraikan di Bursa Malaysia.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos menarik syarikat dan produk asing disenaraikan di Bursa Malaysia, adalah dicadangkan pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan fi yang diterima oleh penasihat korporat bagi penyenaiaan utama, dwi (*dual*) atau bersilang (*cross*) seperti berikut:

- i. syarikat yang mempunyai operasi ketara di luar negara;
- ii. Dana Pertukaran Dagang (*Exchange Traded Fund*) dan Amanah Pelaburan Harta Tanah (*Real Estate Investment Trusts*) yang berlandaskan aset asing;
- iii. sekuriti yang tersenarai di luar negara; dan
- iv. instrumen kewangan asing.

Cadangan ini tertakluk kepada syarat penyenaiaan di atas diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2013.

**PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN PENASIHAT KORPORAT
BAGI TERBITAN DAN URUS NIAGA SUKUK**

Kedudukan Semasa

Kedudukan syer pasaran Malaysia dalam pasaran sukuk global semakin tercabar berikutan penyertaan negara lain ke dalam pasaran. Sebahagian besar pasaran sukuk Malaysia adalah dalam instrumen ringgit Malaysia.

Bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam pasaran sukuk dunia, adalah penting untuk negara turut menerbitkan sukuk bukan ringgit di Malaysia dengan lebih agresif.

Cadangan

Bagi menggalakkan terbitan sukuk bukan ringgit di Malaysia dan memperkukuhkan daya saing Malaysia di dalam pasaran sukuk global, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan diberi ke atas:

- i. pendapatan fi yang diterima oleh institusi yang layak daripada aktiviti mengatur, menaja jamin dan mengagih sukuk bukan ringgit yang diterbitkan di Malaysia dan diagihkan di luar Malaysia; dan
- ii. keuntungan yang diperolehi oleh institusi yang layak daripada urus niaga sukuk bukan ringgit yang diterbitkan di Malaysia.

Galakan ini tertakluk kepada syarat sukuk berkenaan dan institusi yang layak diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2011.

KAJIAN SEMULA GALAKAN BAGI AMANAH PELABURAN HARTANAH

Kedudukan Semasa

Antara galakan cukai yang diberi kepada Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) adalah seperti berikut:

- i. pelabur institusi asing khususnya dana pencen dan dana pelaburan berkumpulan yang menerima dividen dari REITs, yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar 20% selama 5 tahun; dan
- ii. pelabur bukan syarikat termasuk individu pemastautin dan bukan pemastautin serta entiti tempatan lain yang menerima dividen dari REITs tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad 15% selama 5 tahun.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembangunan REITs di Malaysia dan bagi menarik pelaburan asing khususnya dana dari Asia Barat, adalah dicadangkan kadar cukai pegangan muktamad yang dikenakan ke atas pelabur institusi asing dikurangkan kepada 10%. Di samping itu, menyedari bahawa REITs merupakan produk pelaburan yang menarik bagi individu, adalah dicadangkan kadar cukai pegangan ke atas pelabur bukan syarikat termasuk individu pemastautin dan bukan pemastautin dikurangkan kepada 10%.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2011.

**MEMPERLUASKAN GALAKAN CUKAI BAGI
MEMPERTINGKATKAN KAWALAN KESELAMATAN**

Kedudukan Semasa

Elaun Modal Dipercepatkan diberi ke atas peralatan kawalan keselamatan yang dipasang di premis kilang bagi syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Elaun ini layak dituntut dalam tempoh 1 tahun.

Cadangan

Selain daripada premis kilang, terdapat premis perniagaan lain seperti hotel dan bank turut memasang peralatan kawalan keselamatan. Bagi menyokong usaha syarikat meningkatkan keselamatan perniagaan, adalah dicadangkan galakan Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan kawalan keselamatan diperluaskan kepada semua premis perniagaan. Peralatan kawalan keselamatan yang layak adalah:

- i. sistem penggera anti kecurian;
- ii. sistem pengesanan gerakan inframerah;
- iii. siren;
- iv. sistem kawalan laluan masuk;
- v. televisyen litar tertutup;
- vi. sistem pengawasan video;
- vii. kamera keselamatan;
- viii. kamera penerima tanpa wayar; dan
- ix. kelengkapan rakaman tertunda dan kelengkapan video pengesanan gerakan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2012.

**PERUNTUKAN PENENTUAN DAN KUTIPAN CUKAI KE ATAS
LAIN-LAIN PENDAPATAN BUKAN PEMASTAUTIN**

Kedudukan semasa

Peruntukan penentuan dan kutipan cukai bagi bukan pemastautin ke atas lain-lain pendapatan di bawah Seksyen 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) tidak diperuntukkan secara khusus. Pendapatan di bawah Seksyen 4(f) ACP adalah laba dan keuntungan yang tidak diliputi di bawah Seksyen 4(a) hingga 4(e) ACP. Antara pendapatan di bawah Seksyen 4(f) ACP adalah komisen, yuran jaminan dan yuran pengenalan.

